

05 JUL 2002

Mahathir-Tiba/I

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN DUA HARI KE THAILAND

Oleh: Zulkefli Salleh

CHIANG MAI, 5 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini untuk memulakan lawatan rasmi dua hari ke Thailand.

Perdana Menteri yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, disambut di Terminal Tentera Udara, Lapangan Terbang Antarabangsa Chiang Mai oleh rakan sejawatannya Thaksin Shinawatra dan isteri Khunying Pojarn dan orang-orang kenamaan tempatan.

Dr Mahathir diberikan sambutan meriah dengan persembahan tarian tradisi masyarakat di utara Thailand selepas beliau memeriksa kawalan kehormat.

Lawatan Perdana Menteri ke Thailand merupakan yang pertama ke negara anggota Asean selepas beliau mengumumkan pada 22 Jun lepas akan hasratnya untuk meletakkan jawatan pada Oktober tahun depan selepas mempengerusikan sidang kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) di Kuala Lumpur.

Dr Mahathir, yang telah menamakan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya, dijadual melawat Indonesia akhir bulan ini.

Program rasmi Perdana Menteri bermula esok di Bangkok dengan beliau dijadual mengadakan mesyuarat dua hala dengan Thaksin.

Antara perkara yang dijangka dibincangkan ialah projek saluran gas Thai-Malaysia yang telah lama tertangguh.

Kerajaan Thailand, yang baru-baru ini memutuskan untuk meneruskan projek itu yang tertangguh kerana masalah alam sekitar, dijangka mengulangi jaminan kepada Kuala Lumpur akan komitmennya untuk meneruskan projek itu.

Projek itu melibatkan penyaluran gas dari Kawasan Pembangunan Bersama (JDA) demi manfaat bersama kedua-dua negara.

Pembinaan saluran itu telah tertangguh selama dua tahun berikutan bantahan oleh kumpulan pencinta alam sekitar dan penduduk Thailand.

Bagaimanapun, kerajaan Thailand baru-baru ini memutuskan untuk meneruskan projek itu dengan melakukan penjajaran semula laluan saluran itu, supaya kedudukan saluran gas itu diubah kira-kira lima kilometer daripada tapak asal.

Thaksin, pada perjumpaan dua hala itu juga dijangka mengemukakan cadangan Thailand untuk membina terusan merentangi Segenting Kra.

Dr Mahathir dilaporkan telah berkata pada Mesyuarat Agung Antarabangsa Ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik di Kuala Lumpur pada Mei bahawa Malaysia tiada masalah berhubung cadangan langkah itu kerana ia dilakukan dalam kawasan Thailand.

Mesyuarat itu turut dihadiri oleh Thaksin.

Delegasi Dr Mahathir termasuk Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Pertanian Datuk Mohd Effendi Norwawi, Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican, Panglima Angkatan Tentera Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin dan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai.

Malam ini, Dr Mahathir dijadual mengadakan perbincangan tidak rasmi dengan Thaksin pada jamuan malam peribadi yang dianjurkan oleh Perdana Menteri Thailand itu di Universiti Chiang Mai di Salatham, dekat sini.

Antara aturcara rasmi bagi Dr Mahathir ialah, lawatan ke kilang seramik dan dua daripada projek Satu Kampung Satu Produk Thailand yang bertujuan meningkatkan taraf hidup penduduk miskin di luar bandar, semuanya dekat sini.

Esok, Perdana Menteri dijadual berucap kepada masyarakat perniagaan Thailand dan Malaysia di Bangkok selepas melancarkan Dewan Perdagangan Thai-Malaysia di sebuah hotel di ibu negara Thailand.

-- BERNAMA
ZS RHM PR